KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

SELASA, 13 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



13/2/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KEBAKARAN FLAT SRI SABAH: 16 MANGSA DITEMPATKAN DI SK SERI CHERAS** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/02/12/kebakaran-flat-sri-sabah-16-mangsa-ditempatkan-di-sk-seri-cheras/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/02/12/hos-pemadaman-api-flat-sri-sabah-tidak-berfungsi-bomba/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/649107/berita/semasa/mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah-berada-di-pps | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=IrgKjn2A4Wg | YOUTUBE |
| | https://www.melakahariini.my/segerakan-bantuan-untuk-mangsa-dua-rumah-terbakar/ | MELKAHARIINI.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1211511/mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah-ditempatkan-sementara-di-sk-sri-cheras | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kebakaran-kegagalan-sistem-pemadaman-sulitkan-operasi-bomba-x8sk1v0? | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1059964/mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah-ditempatkan-sementara-di-pps | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **NGO BANTU TIGA BERANAK HILANG TEMPAT BERTEDUH** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/02/12/ngo-bantu-tiga-beranak-hilang-tempat-berteduh/ | KOSMO.COM.MY |

# Kebakaran Flat Sri Sabah: 16 mangsa ditempatkan di SK Seri Cheras



Zainal ketika ditemui pemberita di sekitar blok 70 hari ini.

KUALA LUMPUR – Seramai 16 mangsa kebakaran di tingkat 17, blok 70 Flat Sri Sabah, Cheras, di sini, ditempatkan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Cheras.

Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Sri Sabah 3B, Zainal Abidin Abd Wahab berkata, kesemua 16 ahli keluarga yang terlibat ditempat di SK Cheras pada pukul 12 tengah malam hingga 2 pagi.

Katanya, perkara itu diputuskan setelah perbincangan dilakukan pihak persatuan penduduk bersama Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Guru Besar SK Seri Cheras.

"Penghuni mengalami masalah bekalan air susulan tangki air terjejas dalam kebakaran. Alhamdulillah DBKL bekalkan air sementara waktu.

"Saya harap penghuni khususnya mangsa bersabar dengan insiden yang berlaku," katanya ketika ditemui Kosmo! hari ini.

Sementara itu, penghuni tingkat 15 blok terbabit, Malini A/P Subramaniam, 28, berkata, dia dan keluarga bergegas menghulurkan bantuan sejurus menyedari kebakaran berlaku di tingkat 17.

"Kami cuba membuka pili air bomba namun tiada bekalan air dan pemadam api juga tidak berfungsi. Kami bersama jiran tolong jirus air di rumah yang terbakar tapi api tetap marak.

"Ketika itu, kita berlari-lari ambil air, padam api kerana risau keselamatan kanak-kanak," ujarnya.

Selepas meminta jiran di tingkat 17 untuk bergegas keluar, dia juga mengambil tindakan pantas mencabut kepala tong gas serta menutup bekalan elektrik sebelum mengosongkan rumah mereka.

Mengulas lanjut mengenai proses pembersihan rumah hari ini, katanya, dia baru sahaja memulakan pembersihan rumah mereka sendiri selepas menolong membersihkan rumah jirannya yang merupakan orang kelainan upaya (OKU).

Penghuni blok ini dibekalkan dua tangki air daripada DBKL susulan mengalami gangguan bekalan air selepas insiden kebakaran semalam.- KOSMO! ONLINE.

# NGO bantu tiga beranak hilang tempat berteduh

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL  12 Februari 2024, 5:51 pm



MUZALIZA Musa (kanan) menyantuni dua kanak-kanak bersama bapa mereka (bertongkat) selepas membantu mereka mendapatkan tempat penginapan di Nilai, Seremban hari ini.- Foto oleh NUR SHARIEZA ISMAIL./ KOSMO!

SEREMBAN – Nasib tiga beranak yang hilang tempat tinggal selepas rumah yang didiami mereka dekat Kampung Jijan Tengah dirobohkan dipercayai ekoran konflik keluarga pada Sabtu lalu, mendapat perhatian dua buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

NGO Sepakat Nilai Negeri Sembilan bersama pertubuhan persendirian, Semarak Resources Centre (SRC) tampil membantu tiga beranak itu dengan menempatkan mereka di sebuah hotel berdekatan Nilai di sini secara sementara.

Pengerusi Sepakat Nilai Negeri Sembilan, Syed Alwi Syed Jaafar berkata, selepas mendapat maklumat berkenaan keadaan yang dihadapi tiga beranak itu, pihaknya segera membantu mendapatkan tempat penginapan sementara.

"Kasihan melihat dua beradik yang berusia 10 tahun dan tujuh tahun itu yang terpaksa berdepan dengan situasi tersebut.

"Bimbang akan keselamatan dua kanak-kanak perempuan tersebut ditambah pula bapa mereka yang baru ditimpa kemalangan, jadi kami tampil membantu," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Difahamkan, dua kanak-kanak perempuan itu sebelum ini dijaga oleh nenek mereka yang kemudiannya meninggal dunia akibat kanser pada Oktober tahun lalu.

Sehubungan itu, kedua-duanya selepas ini akan diletakkan dibawah pemantauan dan perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sementara itu, Pengurus SRC, Muzaliza Musa berkata, pihak JKM telah membenarkan pihaknya dan Sepakat Nilai Negeri Sembilan untuk melawat dua kanak-kanak itu yang akan ditempatkan sementara di rumah ibu angkat mereka di Salak Tinggi, Selangor.

"JKM juga memberi tempoh selama sebulan kepada bapa kanak-kanak itu mendapatkan rumah sewa. Jika gagal, kemungkinan JKM akan meletakkan semula kanak-kanak itu di bawah jagaan mereka sebelum hal berkaitan penjagaan diputuskan," katanya. – KOSMO! ONLINE

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BOMBA TERKAPKSA PIKUL HOS PEMADAM API KE TINGKAT 17 | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 13 FEB 2024 | M/SURAT : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

### Kebakaran di Flat Sri Sabah

# Bomba terpaksa pikul hos pemadam api ke tingkat 17

**Kuala Lumpur:** Memikul hos pemadam api dengan menaiki tangga sehingga ke tingkat 17 antara cabaran dihadapi pasukan bomba dan penyelamat untuk memadam kebakaran di Blok 70 Flat Sri Sabah, Taman Kobena, Cheras di sini, malam kelmarin.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Nor Hisham Mohamad, berkata anggotanya terpaksa memikul hos berkenaan secara manual menggunakan tangga dan membuat sambungan selain membawa pam bagi membolehkan mereka memadam kebakaran dengan tekanan air yang kuat.

"Masalah timbul bila kita dapati ada masalah pada sistem pancur basah yang letaknya di bahagian tangga tengah bangunan flat berkenaan dikesan mengalami kebocoran.

"Ini menyebabkan masalah pada tekanan air dan seterusnya menyulitkan bomba memadam kebakaran. Maka anggota kita terpaksa ambil sedikit masa untuk membuat penyambungan hos sehingga ke tingkat 17," katanya kepada *BH*, semalam.



*Anggota bomba dari Unit Forensik melakukan pemeriksaan di Blok 70, Flat Sri Sabah, Cheras, semalam.*
(Foto Aizuddin Saad/BH)

Dalam kebakaran kira-kira jam 9 malam kelmarin, lima unit kediaman di Tingkat 17, Blok 70 Flat Sri Sabah musnah.

Satu lagi unit kediaman di tingkat sama berjaya diselamatkan, manakala lima unit kediaman lain mengalami kerosakan antara 85 hingga 97 peratus.

Mengulas lanjut, Nor Hisham berkata berlaku kerosakan *valve* pada salur bantu mula di tingkat berkenaan menyebabkan proses pemadaman api oleh *first responder* tidak dapat buat lebih awal.

Katanya, siasatan bagi mengenal pasti punca kebakaran masih dijalankan daripada pelbagai sudut termasuk kemungkinan berlaku perbuatan khianat.

Sementara itu, seorang pemilik unit kediaman yang musnah dalam kebakaran itu, mendakwa ada jiran terlihat percikan api dari bahagian hadapan rumahnya.

Dia yang hanya mahu dikenali sebagai Lau, 32, mendakwa kebakaran mungkin berpunca dari kotak fius yang terletak di dalam rumah berhampiran pintu masuk.

Lau yang menghuni kediaman itu bersama ibunya yang berusia 68 tahun, berkata ketika kejadian, mereka berada di sebuah pusat membeli belah untuk menonton wayang sejak jam 6 petang.

Seorang lagi penduduk yang terkesan, Joe Boy Joseph Simon, 61, berkata dia sedang menikmati makan malam di luar sebelum dihubungi rakannya yang memaklumkan kediamannya terbakar.

"Kira-kira jam 9.30 malam saya terima panggilan rakan, lantas saya bergegas pulang. Sebaik sampai, saya dapati api merebak dari pintu tiga dan turut menjejaskan rumah jiran lain," katanya.

Dalam pada itu, semua penghuni yang kediaman mereka terjejas dalam kebakaran itu kini ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Cheras.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ENAM BERADIK SELISIH AJAL TERKUNCI DALAM RUMAH TERBAKAR | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 FEB 2024 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Enam beradik selisih ajal terkunci dalam rumah terbakar



ENAM beradik ditinggalkan ibu bapa mereka di rumah kerana pergi ke hospital.

**Petaling Jaya:** Enam beradik nyaris maut akibat terperangkap dalam kebakaran di sebuah rumah di Apartmen Idaman, Damansara Damai di sini, sebelum diselamatkan pasukan bomba, semalam.

Difahamkan, semua kanak-kanak berusia antara dua hingga 11 tahun itu ditinggalkan dalam rumah berkunci kerana ibu bapa mereka ke hospital.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, pihaknya menerima panggilan kejadian daripada jiran jam 11.15 pagi.

Menurutnya, sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Buloh dengan kekuatan tujuh pegawai serta anggota dikejarkan ke lokasi.

"Sebaik tiba, anggota memotong jeriji besi pintu hadapan untuk masuk ke dalam rumah. Kebakaran membabitkan sofa di ruang tamu.

"Pasukan segera memadamkan kebakaran dan mendapati ada enam kanak-kanak terdiri daripada empat perempuan dan dua lelaki kembar di dalamnya" katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ahmad Mukhlis berkata, kebakaran bagaimanapun tidak membabitkan struktur bangunan.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat awal, kanak-kanak terbabit ditinggalkan di rumah kerana ibu mereka membawa bapa mendapatkan rawatan sakit jantung di hospital berdekatan.

Katanya, semua kanak-kanak itu selamat dan diserahkan kepada ibu bapa mereka.



PASUKAN bomba memecahkan pintu rumah bagi menyelamatkan enam beradik yang terperangkap.

TAJUK : VEHICLES BLOCK FIRE ENGINES

HARI : SELASA | AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 13 FEB 2024 | M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM



5 UNITS DAMAGED

# VEHICLES BLOCK FIRE ENGINES

## Fire Dept has to get a tow truck to remove them at Cheras flats



*Fire engulfing units on the 17th floor of Block 70 at the Sri Sabah flats in Cheras, Kuala Lumpur, on Sunday night.* BERNAMA PIC

NURUL HIDAYAH BAHAUDIN AND
SHAHRIN AIZAT NOORSHAHRIZAM
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

VEHICLES parked along the road near the Sri Sabah flats in Cheras here prevented firefighers from putting out a blaze that destroyed five units on Sunday.

The team had to ask for a tow truck from City Hall to remove the vehicles to give access to fire engines.

City Fire and Rescue Department director Nordi Pauzi said it received a distress call at 9.19pm, and managed to put out the fire that struck five out of six units on Block 70's 17th floor at 11.22pm.

No one was injured.

"Residents (unaffected by the fire) were allowed to return to their homes by 2am."

Nordin said residents would have no problem with the electricity supply but would face water cuts.

He said residents affected by the blaze would be placed at a school near the flat.

"We are investigating the cause of the fire, but there's no sign of foul play."

Cheras police chief Assistant Commissioner Zam Halim Jamaludin, who was at the scene, said they were identifying the cause of the fire.

Nurul Adirah Mohd Roslan, 26, who lives on the seventh floor, said she was just outside her front door with her husband and mother-in-law when they heard an explosion that they thought was firecrackers or fireworks from the upper floors.

"About 30 minutes later, the situation became chaotic and the fire department arrived. My family and I hurried down."

Resident Reduan Md Yusof, 45, said he and his wife were getting ready for bed when their neighbours' screams forced them to leave.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NINE FAMILIES RESCUED FROM WATER SURGE IN KAPIT | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 13 FEB 2024 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nine families rescued from water surge in Kapit

**KAPIT:** Nine families from Bintulu, who were camping along Sungai Yong here, faced anxious moments when they were trapped following a water surge.

Fire and Rescue Department Sibu Zone chief Senior Supt Andy Allie said the Kapit Fire and Rescue Station received a distress call at 8.32pm on Sunday and dispatched an eight-member team to rescue the families, comprising 41 people.

"Due to heavy rainfall, the river water suddenly rose, causing a surge," he said.

Supt Allie said the families were then assisted in traversing the 1.5m-deep river using a safety rope, Bernama reported.

The operation ended at 9.56pm, with all 41 victims rescued, he said.

Meanwhile, three teenage friends were believed to have drowned in Sungai Sempit at Kampung Tanjung Batu Segari near Pantai Remis.

The victims, two aged 16 and one 14, were fishing and swimming in the river during the incident yesterday.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FIRE DESTROYS FIVE FLAT UNITS IN CHERAS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 13 FEB 2024 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



The blaze at its height before 55 firefighters brought it under control. – *BERNAMAPIC*

# Fire destroys five flat units in Cheras

**KUALA LUMPUR:** A total of five units on the 17th floor of Block 70 of the Sri Sabah flats in Cheras were destroyed in a fire on Sunday night.

Fire and Rescue Department operations and rescue director Nordin Pauzi said a distress call was received at 9.19pm, adding that seven fire engines, including two aerial ladder platform engines and 55 firefighters from the Hang Tuah, Bandar Tun Razak, Sri Hartamas and Pudu stations were dispatched to the scene.

"The incident is believed to have started from house unit number three before spreading to four nearby homes. However, there were no casualties and the cause and extent of the damage are still under investigation."

He said initially, the fire department faced some difficulties in controlling the fire as it occurred on the 17th floor of the block, which led to firefighters using aerial ladder platform vehicles due to low water pressure.

He said firefighters' swift action ensured the fire was brought under control at 11.22pm.

Nordin said 39 officers from agencies such as the Civil Defence Force and the Kuala Lumpur City Hall also assisted in the operation, adding that residents were allowed to return home after the operation was completed.

Meanwhile, Cheras police chief ACP Zam Halim Jamaludin said initial investigations found no criminal elements in the incident.

"Further investigation will be conducted by the fire department and any developments will be make known."

Zam Halim said 50 police officers will also be stationed at the scene to monitor and ensure the situation remains under control. – Bernama